

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' MANSOR BIN OTHMAN  
(NIBONG TEBAL)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 15.06.2015**

**Y.B. DATO' MANSOR BIN OTHMAN [ NIBONG TEBAL ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah tindakan-tindakan yang akan di ambil keatas peniaga-peniaga yang mengenakan caj cukai GST kepada pengguna-pengguna walaupun tidak ada lesen pendaftaran yang membolehkan mereka mengutip cukai GST.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua,

Mana-mana peniaga yang tidak berdaftar GST tetapi mengenakan GST

kepada pengguna adalah telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 33(10) Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan. Di bawah seksyen ini, peniaga tersebut boleh dikenakan denda tidak melebihi RM30,000 atau penjara tidak melebihi dua tahun dan penalti dua kali amaun cukai yang dikenakan.